

Syarikat farmasi digesa kurangkan harga ubat rawat Aids

BH 30 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan menggunakan peluang pada Persidangan Aids Sedunia ke-13 (WAC) di Durban, Afrika Selatan pada 9 hingga 14 Julai ini untuk menggesa lima syarikat farmasi antarabangsa mengurangkan harga ubat anti-retroviral.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir (**gambar**) berkata, pada masa ini penghidap HIV/AIDS khususnya di negara membangun gagal mendapatkan rawatan terbaik kerana tidak mampu membiayai kos rawatan yang tinggi.

"Perkara ini dijangka

menjadi perbincangan hangat di persidangan ini dan mungkin timbul usaha untuk memberi tekanan terhadap syarikat terbabit supaya melaksanakan janji membantu mereka yang hidap HIV/AIDS mendapatkan rawatan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini hari ini bagi mengumumkan delegasi Malaysia ke persidangan itu.

Marina berkata, gesaan juga akan dibuat supaya perbincangan antara kerajaan dan wakil syarikat terbabit diadakan secepat mungkin.

Selain itu, beliau ber-

kata, delegasi Malaysia akan menekankan mengenai pentingnya pembabitan kerajaan dalam menangani kes HIV/AIDS yang semakin meningkat.

Malaysia akan menghantar 40 peserta ke persidangan itu termasuk 16 dibiayai Yayasan Aids Malaysia membabitkan kos sebanyak RM100,000.

Beliau berharap peserta terbabit menggunakan peluang di persidangan yang disertai 12,000 wakil dari 165 negara, untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai HIV/Aids, membina jaringan kerja dan bertukar-

tukar idea dengan rakan seperjuangan di seluruh dunia.